

Najib simpati mangsa banjir

Semua agensi diarah pantau perlembagaan, sedia keperluan penduduk

Oleh Nurhayati Abllah
bhnews@bharian.com.my

● MUHAIZAN YAHYA | BERITA HARIAN

KAMPAR: Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ber-simpati terhadap penduduk di beberapa kawasan di daerah ini yang sedang berdepan musibah banjir.

Salam Perdana Menteri kepada mangsa banjir berkenaan disampaikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Heng Seai Kei, yang mewakili Najib melawat mangsa terdabit yang kini ditempatkan di pusat pemindahan banjir di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kampar di sini, semalam.

“Lawatan hari ini sebagai mewakili dan untuk menyampaikan salam dari Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang baru iaitu Perdana Menteri sendiri kepada semua mangsa banjir,” katanya ketika ditemui di pusat pemindahan berkenaan.

Selain SMK Kampar, satu lagi pusat pemindahan yang dibuka bagi menempatkan mangsa banjir adalah Dewan Pulau Bergading.

Berdasarkan angka terkini, bilangan mangsa banjir di kawasan



PENDUDUK Kampung Nyiur menyelamatkan barang keperluan selepas air naik di Kampar, semalam.

terjejas meningkat kepada 1,223 orang berbanding 1,145 orang berikutan limpahan air Sungai Kampar yang berterusan akibat banjir dan hujan lebat malam kelmarin.

Bagaimanapun, daripada jumlah itu hanya 338 mangsa ditempatkan di dua pusat pemindahan iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Kampar dan Dewan Pulau Bergading, manakala selebihnya menumpang di rumah saudara masing-masing.

Tinjauan juga mendapati kawasan Kampung Kuala Dipang, Kampung Nyior, Kampung Changkat Jering, Kampung Baru, Kampung Batu 20, Kampung Malaya dan Kampung Pasir masih dinaiki air.

Kebanyakan rumah penduduk juga masih ditenggelami air sedalam antara 0.3 hingga satu meter berikutan air Sungai Kampar masih berarus deras selain faktor hujan lebat awal pagi dan petang semalam.

Seai Kei, berkata mangsa belum

dibenarkan pulang berikutan keadaan belum pulih sepenuhnya.

“Semua agensi dan jabatan berkaitan sudah diarahkan memantau sebarang perkembangan termasuk memastikan semua keperluan bagi mangsa banjir disediakan sepenuhnya,” katanya ketika melawat pusat pemindahan banjir di SMK Kampar di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk M Saravanan.